

National Ibn Sina Conference and Community Engagement 4 (NICE 4);
Kem Kijang Kota Bharu (7 Julai-10 Julai 2011)

Tajuk:

كونسييف فرأوباتن إسلام

KONSEP PERUBATAN ISLAM

Anjuran:



<http://www.papisma-kelantan.blogspot.com/>

Tarikh:

07 Julai 2011 (05 Sya'ban 1432)

Tempat:

Kem Kijang, Jalan PCB
Kota Bharu, Kelantan.

Oleh:

Al-Faqir Ilallah



Dr. Abdul Basit Hj. Abdul Rahman

Pensyarah Jabatan Al-Syariah, KIAS

www.abuanasmadani.com

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد:

Segala puji bagi Allah Rabb al-Alamin, ucapan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad sallaLahualaihiwasallam serta ke atas keluarga dan para sahabat sekaliannya.

1- Muqaddimah:

Islam sebagai agama yang diturunkan oleh Allah swt untuk manusia seluruhnya, adalah satu cara hidup yang sempurna, yang dapat memenuhi seluruh keperluan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Al-Quran dan al-Sunnah adalah dua sumber asas yang dapat memenuhi kesemua keperluan hidup manusia. Selagi mana manusia berpegang kepada kedua-dua itu, selagi itulah mereka akan menikmati kehidupan yang cemerlang lagi sempurna.

Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah swt:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

Maksudnya: “Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah Aku kurniakan dengan sempurna kepada kamu akan nikmat-Ku serta Aku telah restui untuk kamu agama Islam sebagai cara hidup (kamu)”. [al-Mai’dah: 3].

Begitu juga firman Allah swt:

﴿مَا فَرَطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ﴾

Maksudnya: “Tidak Kami kurangkan (tinggalkan) di dalam al-Quran itu suatu apapun”. [al-An’am: 38].

Dengan kata lain, semua keperluan kehidupan manusia telah ditentukan oleh al-Quran. Ini bermaksud manusia tidak boleh melakukan apa sahaja mengikut sesuka hatinya. Al-Quran merupakan garis panduan hidup yang sempurna yang perlu dipatuhi oleh semua makhluk Allah di mana manusia sebagai khalifah mereka. Oleh itu Islam ialah semulia-mulia cara hidup, tidak ada lagi cara hidup lain yang dapat memenuhi keperluan manusia, seperti yang disebutkan oleh Rasulullah saw:

الإسلام يعلو ولا يُعلى

Maksudnya: “Islam itu tinggi (amat mulia) dan tiada lagi yang dapat mengatasinya”. [HR: Al-Bukhari].

• Keperluan menuntut ilmu.

((من يُرد الله به خيراً يفقهه في الدين. وإنما أنا قاسمٌ والله يعطي،

ولن تزال هذه الأمة قائمة على أمر الله، لا يضُرُّهم من خالفهم حتى يأتي أمر الله)) البخاري.

Maksudnya: “Sesiapa yang Allah swt hendak menganugerahkan kepadanya kebaikan nescaya diberikan kefahaman dalam agama...” [Bukhari]

• Pembahagian ilmu

Fardhu ‘ain adalah perkara yang dituntut dilakukan oleh setiap individu yang mukallaf. Maksudnya jika seseorang itu tidak melaksanakan tugas itu maka dia berdosa.

Contohnya; solat, puasa dan sebagainya bagi orang yang mukallaf, cukup syarat rukunnya maka dia wajib melaksanakan. Jika dia tidak laksanakan maka dia jatuh dalam dosa maksudnya kefardhuan itu tidak gugur pada dirinya. Itu fadhu ‘ain. Hal masing-masing.

Fardhu kifayah adalah perkara yang wajib tapi dalam bentuk kolektif, dalam bentuk jama’i.

Imam Al-Ghazali rh membahagikan fardu Kifayah kepada dua;

a- Ilmu Syariat; ilmu tafsir Quran, ilmu Mustalah al-Hadis, ilmu Qiraah dan sebagainya.

b- Ilmu bukan Syariah; setiap ilmu yang bertujuan menegakkan urusan dunia dan tidak dpt diketepikan, seperti ilmu perubatan bertujuan memelihara kesihatan manusia, ilmu hisab kerana ia diperlukan dalam urusan jual beli, pembahagian harta wasiat, harta pusaka dan lainnya. Begitu juga dalam bidang pentadbiran, pertanian, penenunan, siasah politik dan lain-lain.

Ia diwajibkan dalam kelompok-kelompok tertentu. Kalau sebahagian telah melaksanakan kerja itu maka tanggungjawab itu gugur untuk semua orang. Contohnya; solat berjama’ah dalam satu

qariah kampung itu, solat jema'ah adalah wajib kifa'i. Wajib fardhu kifayah. Kalau tidak ada orang solat berjema'ah di dalam kampung itu, semuanya berdosa. Kalau ada dua orang yang pergi surau pada hari itu atau di rumah dia solat berjema'ah, maka fardhu kifayah itu telah gugur untuk satu waktu itu. Dalam hal yang lain contohnya tugas untuk memandikan mayat.

Maka ilmu perubatan adalah salah satu ilmu fardhu kifayah yang mesti dikuasai oleh sebahagian umat Islam pada hari ini. sekiranya tidak ada sesiapa daripada kalangan umat Islam yang menguasainya, kesemua umat Islam di sesuatu kawasan menanggung dosa kerana kecuaiannya yang berlaku.

Itu dalam bentuk yang sempit. Dalam skop yang besar, fardhu kifayah ini bukan solat jema'ah sahaja. Memastikan pembangunan ekonomi, keselamatan masyarakat terjamin. Jadi itulah fardhu kifayah, satu kerja yang besar dalam konteks kampung, dalam konteks bandar, dalam konteks negeri dan negara ada fardhu kifayah. Malah dalam konteks hubungan dunia, ada fardhu kifayah.

2. Ta'rif:

a- Fiqh: Perkataan fiqh adalah dari segi bahasa Arab yang memberi erti faham atau kefahaman, iaitu kefahaman seseorang secara mutlak atau mendalam yang dapat memahami tujuan perkataan yang diucapkan dan perbuatan yang dilakukan.

b- Fiqh Menurut Istilah ialah: Ilmu tentang hukum-hukum Syara' yang bersifat amali, yang diistinbatkan dari dalilnya yang terperinci, berdasarkan kaedah-kaedah yang tertentu.

Para ulama' telah menjelaskan ciri-ciri dan keistimewaan fiqh iatu:

1- Ia bersumberkan rabbani iatu sumber utamanya ialah wahyu (al-Quran). Oleh itu, umat Islam melihat fiqh itu sebagai satu ibadat yang wajib ditaati.

2- Ia berasaskan kepada nilai-nilai agama.

3- Ia menampilkan ciri kemanusiaan yang memelihara kemuliaan manusia.

4- Ia bersifat sempurna dan lengkap serta meliputi segala aspek kehidupan, ekonomi, sosial, politik seperti adab-adab makan dan pembinaan sebuah negara.

5- Ia membentuk akhlak mulia. Oleh itu, Islam mengharamkan riba, zina, judi dan perkara yang merosakkan akhlak.

6- Ia bersifat universal/international dan tidak terhad kepada sesuatu bangsa.

7- Ia bersifat realistik dan jauh daripada khayalan.

8- Ia bercirikan kesederhanaan dan seimbang antara individu dan jemaah.

9- Fiqh mempunyai kaedah dan syarat dalam mengeluarkan hukum sama ada dengan *qias*, *istihsan*, *istislah* dan sebagainya. Di samping itu, ia mampu berkembang dan diperbaharui.

Antara ciri pembaharuan (*tajdid fiqh*) yang diperlukan dalam fiqh Islam ialah; mempelajari fiqh secara perbandingan iaitu perbandingan fiqh antara mazhab untuk mengetahui dalil-dalil dan ijtihad yang berbeza bagi memahami pendapat-pendapat yang terbaik dan paling tepat. Di samping itu, ia juga perlu mengetahui keluasan fiqh bagi membuktikan fleksibiliti fiqh. Ia juga dapat mengurangkan ta'sub kepada mazhab-mazhab tertentu.

Berkata Hisyam Al-Razi rh:

« من لم يعرف اختلاف القراء فليس بقارئ، ومن لم يعرف اختلاف الفقهاء فليس بفتية »

“...Sesiapa yang tidak mengetahui khilaf para fuqaha, maka ia bukanlah seorang yang faqih.”

(Jami' Bayan al-Ilmi Wa Fadhliah).

Para ulama' menyarankan agar *tajdid fiqh* itu dilakukan antaranya dengan menukar istilah fiqh agar bersesuaian dengan keadaan semasa.

Tajdid fiqh itu harus meraikan perkara-perkara yang *thabit* (tetap) dan perkara yang berubah-ubah, samping memahami perkara yang memerlukan perubahan dan yang statik.

Di sini perlu difahami perkara yang tidak boleh diijtihadkan seperti solat lima waktu, puasa dalam bulan Ramadan dan perkara yang boleh diijtihadkan iaitu hukum-hukum yang nasnya adalah *zanni dalalah* (hukum bukan *Qat'i* dari al-Quran dan Sunnah).¹

¹ Lihat: Dr. M. Hasanain, Tajdid Al-Din, Mafhumuhu wa Dhawabituhu wa Atharuhu: 388.

3. Fiqh Perubatan:

Fiqh perubatan adalah satu perbahasan mengenai perubatan melalui kaca mata al-Quran dan hadis. Ia menyentuh tiga bahagian;

i. Perubatan dan akidah. ii. Perubatan dan syariah. iii. Perubatan akhlak serta adab.

Isu di dalam bahagian Aqidah ialah:-

- (a) konsep penyakit di dalam Islam.
- (b) menghilangkan syirik di dalam perubatan.
- (c) konsep tawakkal dan usaha.

Isu di dalam Syariah ialah:-

- (a) bagi pesakit seperti solat, puasa, haji dan lain-lain.
- (b) bagi pengamal perubatan seperti solat, puasa dan lain-lain.
- (c) di antara pesakit dan pengamal perubatan seperti memilih untuk meneruskan rawatan atau menghentikannya, terpaksa berjihad untuk memotong anggota, aurat, sentuhan, wudhuk dan sebagainya.
- (d) bagi masyarakat seperti derma darah, derma organ dan lain-lain.
- (e) bagi kaedah dan jenis rawatan yang digunakan seperti menggunakan perkara haram di dalam perubatan, pembedahan plastik, botox, mengasah gigi, kuku dan lain-lain.
- (f) Bagi pemerintah iaitu menyediakan keperluan perubatan dan sebagainya.

Isu di dalam akhlak dan adab

- (a) Etika pengamal perubatan dengan pesakit.
- (b) Etika pesakit dengan pengamal perubatan.
- (c) Etika masyarakat pada kedua-dua golongan di atas.

Inilah ruang lingkup fiqh perubatan. Dari ketiga skop di atas melahirkan ribuan permasalahan terkini yang memerlukan ijtihad. Selagi ada manusia selagi itu ada penyakit. Selagi ada penyakit selagi itu ada ubat. Selagi ada perubatan selagi itulah akan wujudnya dan berkembangnya fiqh perubatan.

4. PROFESSION PERUBATAN

Sepertimana kesemua bidang pengetahuan, pengetahuan perubatan adalah sebahagian daripada ilmu yang dianugerah oleh Allah kepada hamba-Nya sebagaimana firman-Nya:

﴿عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ﴾

Maksudnya: {Yang mengajar manusia apa yang tidak pernah diketahui oleh manusia}. [Al-Alaq:5].

Menuntut ilmu perubatan memerlukan pendedahan kepada kebesaran Allah dengan ciptaan-Nya. Firman-Nya:

﴿وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ ﴿٢٠﴾ وَفِي أَنفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٢١﴾﴾

Maksudnya: { Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin. Dan (juga) pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tidak memperhatikan? (dalil-dalil dan bukti itu)} [Az-Zaariyat: 20-21].

Amalan perubatan membawa manusia dekat kepada belas kasihan Allah. Oleh itu amalan perubatan adalah satu ibadat dan kebajikan selain daripada kerjaya untuk mencari rezeki.

Rahmat Allah boleh sampai kepada semua manusia termasuk yang baik dan yang jahat, yang berbudi dan yang busuk hati serta kawan dan lawan - samalah seperti cahaya matahari-Nya, keselesaan bayu-Nya, kesejukan air-Nya dan pemberian-pemberian-Nya yang banyak. Dan pada asas inilah profesion perubatan harus beroperasi, mengikuti lunas-lunas rahmat Allah tanpa menimbulkan permusuhan atau membuat apa-apa hukuman, tidak sekali-kali menjadikan keadilan sebagai matlamat tetapi belas kasihan, di dalam apa jua situasi dan keadaan.

Para ulama' Islam menganggap profesion perubatan sebagai fardu kifayah, satu tugas yang mesti dilakukan oleh sesetengah ahli di dalam satu-satu masyarakat. Amalan ini lazim dilakukan kerana keperluan kesihatan adalah satu keperluan asas. Jika kesihatan terjejas, apa jua di dunia ini tidak dapat dinikmati.

Menyediakan perkhidmatan perubatan adalah satu tuntutan agama ke atas masyarakat, iaitu fardu kifayah yang boleh disempurnakan bagi pihak masyarakat oleh anggota-anggotanya yang mempelajari perubatan. Adalah menjadi tugas kerajaan untuk memastikan keperluan doktor di dalam pelbagai kepakaran untuk negara. Di dalam Islam tugas ini adalah tanggungjawab pemerintah negara.

5. Maqasid Syariah:

Untuk memahami kehendak syariah dalam ilmu perubatan, setiap muslim dan pengamal perubatan khasnya perlu memahami asas / landasan agama Islam ini;

Pertama: Syariah Islam dibina dengan asas untuk membawa kebaikan dan menolak keburukan (Jalib al-masalih wa dar' al-mafasid) - (جلب المصالح ودرء المفاسد).

Syariah Islam sebagai satu perundangan yang bersifat *Rabbaniyyah* dari segi sumber dan matlamatnya, kekal sehingga ke akhir dunia ini, maka hakikatnya adalah menyeluruh dan sempurna, memenuhi semua keperluan dan tuntutan hidup individu dan masyarakat dengan cara menjadikan hidup mereka di dunia ini lebih bernilai dan menjamin kehidupan akhirat yang bahagia.

Syariah Islam didatangkan dengan keadilan, rahmat, kebajikan dan kebijaksanaan yang tulen untuk menyelesaikan masalah manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat mereka. Tiada keadilan lain yang dapat mengatasinya, tiada kebaikan (kemaslahatan) yang dapat menandingi kemaslahatan yang terkandung di dalam Syariah ini.

Kebajikan atau masalah serta keburukan yang dikenali sebagai *mafsadah* itu bukanlah boleh ditentukan oleh akal manusia semata, sebaliknya ia ditentukan oleh Allah swt. Semua ini jika dilihat dari sudut cetusan pandangan akal manusia menghasilkan natijah yang berbeza dan tidak konsisten. Mungkin suatu hal yang dianggap membawa kebaikan oleh sebahagian manusia adalah *mafsadah* bagi yang lain pula. Terdapat juga *masalah* yang dianggap sebagai *mafsadah* kerana dorongan hawa nafsu bagi sesetengah pihak, manakala tanggapan yang sebaliknya oleh golongan yang lain pula.

Kerana ini akal dan nafsu manusia semata-mata tidak boleh dijadikan pengukur untuk menentukan *masalah* dan *mafsadah*. Hanya Syariat sahaja yang boleh menentukannya kepada manusia.

Masalah yang menjadi tujuan Syariat ini terbahagi kepada lima perkara; **Agama, Nyawa, Akal, Harta dan Keturunan (termasuk juga maruah).**

Kedua: Lima Aspek Utama (al-Dharuriyyat al-Khamsah) Yang Perlu di Jaga.

Dalilnya firman Allah swt:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَى أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِيَنَّاهُ بِيَهْتَنِ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعَصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: {Wahai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka (mengadakan pengakuan-pengakuan palsu mengenai hubungan) dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah keampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.} [Al-Mumtahanah: 12].

6. Qawaid/Kaedah Syara'

Untuk merealisasikan Maqasid al-Syariah ini, terdapat beberapa kewajipan dan amalan yang boleh dijadikan panduan oleh para pengamal perubatan.

1- Qaidah Al-Qasd (niat). قاعدة القصد

Kaedah amalan mengikut niat. Di bawah kaedah ini terdapat beberapa kaedah, cabang yang berkait rapat dengan pengamal perubatan, seperti kaedah:

a) **“Al-Umur bimaqasidiha – الأمور بمقاصدها”**. Maksudnya: Setiap perkara itu bergantung kepada niat. Kaedah ini mengajak para doktor agar kembali kepada rasa hatinya/niat yang murni.

Terdapat banyak pengurusan dan keputusan/resolusi perubatan yang tidak diketahui umum, hanya para doktor yang mengetahuinya, maka mungkin seorang doktor itu melakukan sesuatu yang pada zahirnya boleh diterima oleh para pesakit dan keluarganya.

b) **“Maqasid wa ma’ani la alfaẓ wa mabani”**: Matlamat dan kandungan bukan hanya lafaz dan susunan ayat sahaja.

Kaedah ini digunakan untuk menolak hujah yang dipakai bersandarkan kepada khilaf ulama' Syariah yang bersebabkan kesalahan terjemahan dalil secara harfiyyah untuk membenarkan tindakan-tindakan yang di luar batas akhlak.

2- Qaedah al-Yaqin

Dalam ilmu perubatan, tiada keyakinan yang sepenuhnya seperti yang dituntut Syara', dalam sudut pemeriksaan/memastikan sesuatu penyakit dan menentukan cara rawatan/perubatan yang tepat, bahkan semuanya bergantung kepada sangkaan yang kuat (*zhan al-ghalib*). Tidak boleh membuat keputusan jika hanya mempunyai sangkaan/tekaan biasa atau dalam keadaan syak (50-50). Pada waktu yang sama dalam bidang perubatan, tidak terdapat ketentuan atau keyakinan sepenuhnya (100%). Jika sudah mendapat sangkaan yang kuat tadi, ini adalah dalil/petunjuk yang paling tepat kepada kemungkinan yang dipilih, tidak terdapat pilihan lain. Tetapi dalam keadaan sangkaan biasa, terdapat kecenderungan untuk mengikut/mengambil keputusan/pandangannya tanpa mempunyai dalil yang mencukupi. Manakala dalam keadaan ragu-ragu/syak pula, dalil kepada dua kemungkinan yang sama (50mati-50hidup).

Maka perubatan percubaan digunakan tanpa keyakinan tentang natijahnya. Lalu, adakalanya sesuatu rawatan itu tanpa pengetahuan dan tanpa mengubati punca sebenar sesuatu penyakit. Sebenarnya kebanyakan keputusan dalam perubatan berdasarkan kepada kemungkinan dan penisbahan kepada yang kejayaan yang lepas.

3- Qaedah al-Dorar

Kaedah ini mengatakan; Mudharat mesti dibuang - الضرر يُزال, bererti bahawa wajib ke atas seorang doktor sepanjang kerjayanya tidak sekali-kali membawa kemudharatan kepada pesakitnya. Ini berdasarkan kepada kaedah, tidak memberi mudharat kepada orang dan tidak memudaratkan dirinya sendiri - لا ضرر ولا ضرار.

Mudharat itu mesti dielakkan seboleh mungkin, bukan semua mudharat itu benda yang sedia ada, kecuali terdapat dalil tentangnya, jika demikian wajib diubahnya. Begitu juga kaedah bahawa mudharat tidak boleh ditukar ganti dengan mudharat yang seumpamanya.

Begitu juga tidak boleh menggunakan rawatan untuk menghilangkan satu mudharat, sedangkan rawatan itu mengandungi kesan sampingan yang boleh membawa mudharat yang sama seperti mudharat yang cuba dibuang itu.

4-Qaedah al-Masyaqqat.

Dalam kaedah ini, keadaan darurat mengharuskan yang dilarang الضرورات تبيح المحظورات .

Masyaqqat (Kesusahan) adalah satu keadaan yang akan merosakkan dan membinasakan tubuh badan dan akal jika tidak diubah dengan segera. Ini berdasarkan kaedah yang susah itu membawa kepada kesenangan. Ini bertepatan dengan prinsip asas Islam bahawa agama itu mudah.

Rasulullah saw bersabda: “Agama itu mudah, tiada sesiapa yang menyusahkan dirinya sendiri dalam perkara agama, kecuali dia akan ditewaskan olehnya”. [HR Bukhari].

5. Qaedah al-‘Urf (Suasana setempat)

Dalam kaedah ini, adat diambil kira dalam menentukan hukum - العادات محكمات . Adat yang diambil kira itu ialah yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Berdasarkan apa yang disebut dalam kaedah ini, “Adat yang diambil kira ialah adat yang tetap dan menjadi kebiasaan dalam masyarakat”. Demikian juga “Adat yang diambil kira ialah yang biasa dan tersebar luas, bukan yang jarang berlaku”. Adat itu juga mestilah sesuatu yang telah lama wujud, bukan sesuatu yang

baru muncul atau dicipta, untuk memberi peluang kepada ahli-ahli perubatan untuk ijma' (sepakat) berhukum dengannya².

7. Tanggung jawab Pengamal Perubatan

Untuk merealisasikan Maqasid al-Syariah ini, terdapat beberapa kewajipan dan amalan yang boleh dijadikan panduan oleh para pengamal perubatan.

- **Kewajipan Seorang Doktor**. Jika hanya terdapat seorang doktor dalam satu masyarakat, wajib ke atasnya menyampaikan manfaat perubatan itu kepada semua. Tetapi jika terdapat lebih daripada seorang doktor ia akan menjadi fardu kifayah. Apabila seorang pesakit mula mendapat khidmat dari seorang doktor tertentu, tanggung jawab individu/personal kekal di atasnya sehinggalah wujud doktor-doktor lain.

- **Menghormati Kehendak Pesakit;**

Kehendak di sini diambil dari kaedah **al-Qasd**. Pesakit itu adalah seorang individu yang mempunyai niat dan kehendak yang jujur dan benar dalam ilmu perubatan (untuk dirinya sendiri). Maka dia adalah orang yang paling berhak untuk membuat keputusan ke atas dirinya. Orang lain cuma sebagai pembantu untuk memberi pandangan dan nasihat untuk dia membuat keputusan, kecuali pesakit itu sudah tidak mampu untuk membuat keputusan lagi, maka ahli keluarga dan doktorlah yang akan menentukannya.

- **Jujur dan Benar**. Wajib ke atas doktor untuk memeriksa pesakit dengan pemeriksaan yang sepenuhnya sehingga dia dapat membuat keputusan dan analisa yang tepat tentang keadaan pesakit itu. Doktor hendaklah mempersetujui permintaan pesakit untuk mengetahui tentang penyakitnya. Walau bagaimanapun cara menjawabnya hendaklah disesuaikan dengan pesakit itu sendiri. Adalah menjadi tugas doktor itu untuk mengkaji ketepatan psikologi pesakitnya itu.

Bagi pesakit yang sudah tidak boleh sembuh lagi, doktor hendaklah dengan sebaik mungkin memberi penjelasan dan mengelakkan penggunaan istilah yang menakutkan atau penciptaan perkataan, ungkapan atau penerangan yang baru. Perlu juga diberikan penjagaan yang baik, sokongan moral dan menghilangkan kesakitan dan penderitaan semasa hayatnya.

- **KERAHSIAAN PROFESIONAL**

Orang-orang yang beriman diperintahkan menyimpan rahsia orang lain lebih-lebih lagi jika orang itu seorang doktor, kerana orang akan memberitahu rahsia dan meluahkan perasaan kepada doktor mereka dengan rela hati, yakin dengan kerahsiaan profesional yang dipegang oleh profesion perubatan semenjak awal zaman lagi.

Rasulullah s.a.w bersabda bahawa tiga ciri-ciri orang munafik ialah: "Bila dia bercakap dia bohong, bila dia berjanji dia mungkir dan bila disuruh pegang amanah dia khianati". [HR Bukhari].

Seorang doktor hendaklah merahsiakan seketatnya segala maklumat yang diperolehinya melalui penglihatan, pendengaran atau secara kesimpulan. Semangat keIslaman juga memerlukan butir-butir di dalam undang-undang patut menekankan hak pesakit untuk melindungi rahsia mereka yang telah diluahkan kepada doktor. Pengkhianatan ke atas amanah ini akan menjejaskan imej amalan perubatan, selain dari menjauhkan kumpulan tertentu dari mendapatkan bantuan rawatan perubatan.

Doktor hanya dibenarkan mendedahkan rahsia pesakitnya apabila diminta menjadi saksi dalam sesuatu kes yang melibatkan kezaliman ke atas orang lain atau mempertahankan diri pesakit itu sendiri.

- **Ikhlas**: Ini adalah satu sifat yang paling penting bagi seorang doktor. Dia hendaklah memberi sepenuh keikhlasan dalam perkhidmatannya, memberi hak-hak yang telah dipersetujui, menjaga segala hubungan dan bersikap amanah. Contohnya; meninggalkan pesakit pada mana-mana tahap (level) perubatan tanpa menentukan pengganti doktor atau rawatan lain dikira telah melanggar etika ikhlas. Jika seorang doktor mendapati dirinya berada di persimpangan untuk memilih beberapa keputusan yang berkait; samada di antara pesakit atau tempat kerjanya, atau di

² Prof Dr Umar Qasuli, Al-Akhlaqiyyah At-Tibbiyyah min Al-Maqasid al-Syariah, Dr. Mohd Ali Al-Bar, Al-Mawqif Al-Fiqhi wa Al-Akhlaqi ms: 103.

antara dua pesakit seperti seorang ibu atau janin yang dikandungnya, maka di sini hendaklah para doktor kembali kepada *maqasid* dan *qawaid*.³

8. Perlaksanaan Fiqh dalam perubatan.

Untuk merealisasikan tajuk ini para ulama' perlu membincangkan tajuk Mazhab, apakah setiap orang wajib berpegang dengan satu mazhab sahaja atau boleh memilih pandangan ulama' dalam mazhab lain? (dalam lingkungan ulama' Ahlussunnah yang muktabar).

Perlu atau tidak bertaqlid mana-mana mazhab dalam Islam bergantung kepada keadaan seseorang itu. Jika dia seorang mujtahid, wajib baginya mengetahui segala hukum itu dari sumbernya yang asal, dengan cara penyelidikan, kajian dan ijihad. Justeru itu tidak harus dia bertaqlid.

Bagi orang awam pula dia perlu mengikut salah satu mazhab yang dipilihnya, daripada salah satu mazhab yang masyhur dan masih kekal sehingga ke hari ini. Ini kerana jika setiap orang itu hanya wajib berpegang kepada satu mazhab sahaja, akan menimbulkan *Haraj* (kesusahan) dan *Dhiq* (kesempitan).

MASALAH PERPINDAHAN MAZHAB.

Menurut pendapat kebanyakan ulama', orang awam harus berpindah ke mazhab lain yang muktabar. Mereka yang telah beriltizam (berpegang) dengan satu-satu mazhab tertentu boleh bertaqlid mazhab yang lain dengan syarat ini:

a- **Tidak berlaku *talfiq***. Iaitu menghimpun dan mencampur adukkan dua pendapat atau mazhab dalam satu-satu masalah sehingga melahirkan satu bentuk hukum atau konsep tertentu hasil dari percantuman dua mazhab itu, sedangkan setiap mazhab tidak berpendapat sedemikian dalam masalah itu, bahkan masing-masing tidak mengiktiraf amalan sedemikian rupa.⁴

b- **Tidak berlaku "*Tatabbu' Al-Rukhas*"**. Iaitu seseorang memilih pandangan dari setiap mazhab hukum yang paling mudah baginya.⁵

Menurut pengarang kitab **Muqaddimah Mestika Hadis**, dalam Bab Wajib Menuntut Ilmu Agama, Galakan Memberi pertolongan: "**Seseorang Islam yang sedang mengalami susah payah dalam sesuatu masalah agama, maka dikehendaki menolongnya dengan satu fatwa yang melepaskannya dari kesusahannya itu, sekalipun fatwa itu tidak berdasarkan mazhab yang biasa diamalkannya**".⁶

9. Contoh Fiqh Taisir dalam perubatan:

Contoh dalam masalah puasa. Kebanyakan kitab Fiqh turath (lama) ketika membincangkan perkara membatalkan puasa banyak berpegang kepada masalah "*Jauf*" atau rongga. Setiap perkara yang masuk ke dalamnya adalah membatalkan puasa.

Mazhab Hanafi menyebut 57 perkara yang membatalkan puasa, dalam mazhab Syafie pun banyak juga.

Perkara yang membatalkan puasa ialah:

Sampai sesuatu ('ain) ke dalam rongga (*al-Jauf*) melalui liang yang terbuka.

Maksud 'ain ialah sesuatu yang dapat dilihat oleh mata.

Maksud *al-Jauf* ialah otak ataupun apa yang berada di antara bawah halkum hingga ke perut.

Maksud liang terbuka ialah; mulut, telinga, qubul dan dubur, samada lelaki atau perempuan.

Oleh itu setitik air yang masuk melalui telinga membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Tetapi setitik air yang masuk ke dalam mata TIDAK membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang tidak terbuka.

³ Prof Dr Umar Qasuli, *Al-Akhlaqiyyah At-Tibbiyyah min Al-Maqasid al-Syariah*, Dr. Zuhair As-Sibaie & Dr. Mohd Ali Al-Bar, *Al-Tabib; Adabuhu wa Fiqhuhu* ms: 75.

⁴ Majalah Solusi, Isu 14, Telaga Biru.

⁵ Prof. Dr. Wahbah Mustafha al-Zuhaili, (1986), *Usul alFiqh al-Islami*, 2/1138. Haji Mohd Saleh Haji Ahmad, *Risalah Ahkam*, m/s: 214.

⁶ *Muqaddimah Mestika Hadis*, m/s: 96

Suntikan di lubang dubur membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Suntikan pada urat TIDAK membatalkan puasa kerana urat adalah liang yang tidak terbuka. Begitulah seterusnya.

Semuanya ini disyaratkan dilakukan dengan sengaja, qiyas kepada makan dan minum.

Sekiranya lalat atau nyamuk, atau debu jalan masuk ke dalam al-Jauf, maka puasa TIDAK batal. Ini kerana untuk menghindarinya adalah tersangat susah (masyaqqah). Begitu juga dengan menelan air liur. Tetapi jika ia menelan air liur yang bernajis seperti gusi yang luka, walaupun air liur itu jernih dan dia tidak membersihkan mulutnya, maka puasanya batal.

Sekiranya dia berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung dan air itu termasuk ke dalam jauf-nya maka ia tidak batal, kecuali ia melampau.

Sekiranya terdapat sisa makanan dicelah-celah giginya lalu ia digerakkan oleh air liurnya tanpa sengaja lalu masuk ke dalam perutnya, maka puasanya TIDAK batal. Sekiranya ia dipaksa untuk makan atau minum, puasanya juga TIDAK batal.⁷

Ulama' berbeza pendapat dalam menentukan al-Jauf.

1. Ulama' Sya'fi berpendapat setiap lubang (rongga yang terbuka) adalah *al-Jauf*, seperti yang telah dijelaskan di atas.

2. Ada juga ulama' yang mengatakan *Jauf* itu adalah *Batnun*, iaitu perut (rongga) semata.

3. Golongan yang ketiga pula menyempitkan ta'rif *Jauf* dengan mengatakan ia adalah setiap lubang yang boleh menyampaikan manfaat kepada badan dari makan dan minum; iaitu yang boleh sampai kepada usus besar (*Ma'idah*) dan usus panjang (*Am'aa'*).

Pendapat pilihan kebanyakan ulama' semasa ialah pendapat yang ketiga.⁸

Keputusan "Seminar Fekah Perubatan ke 9 yang diadakan di Casablanca, Morroco, 8-11 Safar 1418 bersamaan 14-17 Jun 1997.

Bahan-bahan yang boleh membatalkan Puasa:

Menurut Al Quran dan Hadis yang sahih dari Nabi Muhammad SAW, tiga perlakuan yang boleh membatalkan puasa: Makan, minum, dan melakukan hubungan seks. Oleh yang sedemikian, apa-apa bahan yang dapat melalui rongga samada berbentuk pepejal atau cecair dalam apa jumlah sekalipun, ianya boleh membatalkan puasa.

Menurut ahli majlis/peserta seminar tersebut telah sepakat bersetuju bahawa perkara-perkara berikut TIDAK MEMBATALKAN PUASA.

- 1- Ubat titis mata, titis telinga dan basuh telinga.
- 2- Ubat tablet bawah lidah yang digunakan oleh pesakit Angina (Jantung).
- 3- Memasukkan ubat melalui faraj, memasukan alat perubatan, membasuh, spekulum dan jari doktor atau bidan semasa pemeriksaan vagina (sebelum bersalin).
- 4- Memasukkan teropong ke salur kencing lelaki atau perempuan untuk penyediaan x-ray.
- 5- Menampal, mencabut, mengorek dan mencuci gigi atau menggunakan alatan dan berus gigi, dengan syarat TIADA apa-apa bahan yang memasuki perut dari prosedur tersebut.
- 6- Suntikan melalui kulit, otot, sendi atau pembuluh darah, KECUALI memberi makanan melalui pembuluh darah (seperti: glukos yang mengenyangkan).
- 7- Penderma atau menerima pemindahan darah.
- 8- Oksigen dan Gas Bius.
- 9- Semua jenis bahan yang boleh menyerap kedalam badan melalui kulit seperti krim, jelly atau plaster berubat.
- 10- Mengambil sampel darah untuk ujian makmal.
- 11- Sesalur dan bahan perantara untuk arteriografi (pemeriksaan x-ray khas jantung) atau organ lain.
- 12- Teropong dalam rongga perut (endiskopi) untuk mencari punca penyakit.
- 13- Membasuh mulut, berkumur atau semburan mulut, dengan syarat tiada bahan masuk kedalam perut.

⁷ Al-Fiqh Al-Manhaji 1/342.

⁸ Al-Qardhawi, Taysir al-Fiqh - Fiqh As-Siyam, hlm 86-87.

14- Teropong ke dalam salur peranakan atau memasukkan alat kedalamnya. (contoh; IUCD- alat pencegah kehamilan dalam rahim)

15- Mengambil tisu (biopsi) hati atau organ lain.

Pendapat majoriti peserta menambah perkara berikut juga TIDAK MEMBATALKAN PUASA:

1- Ubat titis hidung, semburan hidung (inhalers) dan ubat sedut.

2- Suntikan ke dalam dubur, teropong dan pemeriksaan digital ke dalam dubur.

3- Pembedahan yang melibatkan bius sepenuhnya jika pesakit mengambil keputusan (berniat) untuk berpuasa pada malamnya.

4- Mesin atau dialisis buah pinggang melalui perut.

Penggunaan teropong perut, dengan syarat tidak memasukkan apa-apa bahan cecair atau bahan seumpamanya kedalam perut.

Perhatian:

Seminar tersebut telah diakui kesahihannya pada kebanyakan hukum seperti yang diputuskan oleh Persidangan Fiqh Antarabangsa Mengenai Perkara-perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa No. 93 (1/10) pada 23-28 Safar 1418- 28 Julai 1997.

Untuk maklumat yang lebih luas dan jelas, terdapat banyak kitab / buku yang ditulis tentang Fiqh Perubatan yang bersandarkan kepada fiqh taisir ini, contohnya:

1) Buku-buku yang mengumpul Fatwa Semasa (Fatwa Kontemporari) tentang permasalahan perubatan.

2) Keputusan / Resolusi Persidangan Mengenai Fiqh Perubatan, Nasional / Antarabangsa.

3) Risalah Ilmiah, MA atau Ph.D yang ditulis mengenai perkara ini.

4) Buku karangan perseorangan, seperti buku Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Dr. Wahbah Az-Zuhaili, Dr. Mohd Ali Bar dan lain-lain.

5) Dalam Bahasa Malaysia, terdapat banyak buku karangan dan terjemahan, antara yang baiknya buku akhuni Dr. Basri Ibrahim; a) Isu-isu Fiqh Perubatan Semasa (terjemahan kitab yang ditulis oleh Syekh Walid bin Rasyid al-Su'aidan), dan Isu-isu perubatan dan hubungannya dengan perkara-perkara yang membatalkan puasa (karangan Sheikh Ahmad bin Mohd Al-Khalil) serta buku-buku perubatan Dr Danial Zainal dan lain-lain.

PENUTUP

الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات.

Misi doktor bukan hanya setakat pengubatan penyakit, bahkan perlu mengambil kesemua langkah untuk mencegah penyakit dari berlaku.

Di dalam semua keadaan, seorang doktor hendaklah berupaya menyokong kepercayaan pesakitnya dan memberikannya kesejahteraan dan ketenangan fikiran.

Maka jelaslah bahawa elemen bidang perubatan dan kesihatan tidak dapat lari dari menjadi satu komponen dalam *maqasid syariah*. Setiap perundangan hukum itu bertujuan melindungi atau memelihara kepentingan akal, agama, harta, nyawa dan nasab atau keturunan, semuanya mestilah berlandaskan Syariah!

Sama-samalah kita berdoa agar para pengamal perubatan negara kita dapat patuh dan beramal dengan maqasid al-Syariah yang syumul ini, semoga semuanya diberkati dan dirahmati Allah swt selalu.

Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad, kaum keluarga, para sahabat serta semua golongan yang mengikuti jejak mereka, aamiin.

Akhukum,
Abu Anas Madani,
Pondok Sungai Durian, Kelantan.
25 Sya'ban 1431H – 6 Ogos 2010M.
www.abuanasmadani.com